

SOALAN NO: 23**PARLIMEN MALAYSIA****PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : Lisan****DARIPADA : Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz
[Tanah Merah]****TARIKH : 1 NOVEMBER 2017****SOALAN : minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
apakah langkah yang dilakukan oleh
Kementerian dalam usaha memastikan
lambakan produk import pertanian di
pasaran tidak sampai menjelaskan hasil
pertanian tempatan sehingga
menyebabkan golongan petani tidak
mampu untuk menampung kos operasi
apatah lagi meraih keuntungan.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hanya mengenakan kawalan kuantum import terhadap 5 komoditi iaitu:

- (i) kelapa tua biji;
- (ii) kubis bulat;
- (iii) susu cair;
- (iv) keratan ayam; dan
- (v) ayam bulat super

Komoditi-komoditi ini juga merupakan komoditi yang dikenakan *tariff rate quota* (TRQ) – *inquota & outquota* mulai 2008 yang tersenarai di bawah *World Trade Organization* (WTO). Selain dari 5 komoditi di atas, tiada sekatan dikenakan sepetimana yang telah ditetapkan di bawah WTO.

Dalam hubungan ini, bagi memastikan para petani, penternak dan nelayan tidak terkesan dengan kemasukan produk import, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) terus meningkatkan pengeluaran dalam negara disamping meningkatkan produktiviti melalui teknologi yang bersesuaian antaranya:

- (i) pelaksanaan Projek Berimpak Tinggi seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani;
- (ii) pembangunan 4 kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru;
- (iii) mengoptimumkan produktiviti pengeluaran hasil melalui penggunaan benih berhasil tinggi seperti benih padi MR220, CL2

- dan MARDI 284, mekanisasi dan automasi; mengurangkan kerugian lepas tuai; serta peningkatan intensiti tanaman; dan
- (iv) menggalakkan penyertaan belia dan usahawan muda dalam bidang pertanian melalui Program Agroprenuer Muda.

Akses terhadap penjualan makanan dengan harga yang berpatutan ditingkatkan melalui pewujudan lebih banyak luang pasaran langsung seperti Pasar Tani, Pasar Nelayan, MyFarm Outlet dan Agrobazaar Rakyat 1Malaysia. Dalam masa yang sama, tumpuan diberikan supaya hasil pengeluaran dalam negara adalah selamat dan bernutrisi dengan memperluaskan Amalan Pertanian Baik seperti persijilan MYGAP, akreditasi halal serta meningkatkan mutu pengredan, pembungkusan dan pelabelan.

Kementerian juga terus melaksanakan strategi bagi memperbaikiimbangan dagangan makanan negara dan supaya tidak terlalu bergantung kepada import melalui:

- i) pelaksanaan projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan potensi eksport yang baik di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu akuakultur, rumpai laut, sarang burung walit, herba, buah-buahan dan sayur-sayuran serta makanan proses premium;
- ii) pembangunan industri tenusu termasuk baka bagi mengurangkan import susu dan hasil tenusu; dan
- iii) pembangunan Industri Jagung Bijirin di kawasan-kawasan pertanian seperti di luar jelapang padi bagi menangani import makanan ternakan.

Pada tahun 2016,imbangan dagangan makanan negara adalah lebih baik di mana defisifit telah berjaya dikurangkan kepada negatif RM16.6 bilion.

41
NO. SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]

TARIKH : 01.11.2017

SOALAN :

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah sebabnya Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengumumkan pada bulan Jun 2017 bahawa pihak SPMR tidak akan menjalankan siasatan ke atas kes penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam skandal 1MDB.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Berhormat,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menjalankan siasatan berkaitan kes 1MDB memandangkan siasatan kes tersebut telah pun diambil tindakan oleh pihak berkuasa lain seperti Bank Negara, PDRM dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara yang mana Yang Berhormat juga adalah anggotanya.

Sekian, terima kasih.